



BARISAN chef menunjukkan pelbagai juadah yang ditawarkan Hotel Concorde Shah Alam, Selangor.

Selera Negeri Selat di Concorde Shah Alam

SEPERTI tahun-tahun sebelum ini, Hotel Concorde Shah Alam, Selangor tidak pernah gagal untuk menganjurkan buffet berbuka puasa.

Bagi Ramadan kali ini, pengurusan hotel itu cuba memberi kelainan dengan memilih Cita Rasa Negeri Selat sebagai tema juadah.

Pengarah jualan dan Pemasaran, Amilia Alias berkata, pihaknya telah memilih juadah istimewa dari Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka dan Johor sebagai hidangan kepada para pelanggan.

"Antara menu utama yang disediakan termasuk asam pedas ikan pari, asam pedas daging, sotong Portugis, ayam cencaluk, sambal udang petai dan pucuk paku goreng yang sememangnya menyelerakan.

"Bagi penggemar masakan asli Pulau Pinang pula, anda boleh merasai keenakan ayam goreng berempah, daging rusa bukhara, kari kepala ikan dan kobis goreng kunyit biji sawi.

"Menu lain adalah seperti beriani daging rusa, beriani daging, ayam masak merah, kambing kurma, pucuk manis masak lemak, puyuh goreng dan sayur temppe goreng yang merupakan sajian asli dari Selat Tebrau," katanya.

Bagi memudahkan pengunjung beragama Islam, Hotel Concorde Shah Alam turut menyediakan ruang surau yang selesa untuk solat Maghrib, Isyak dan tarawih secara berjemaah di tingkat tiga.

INFO

Concorde Shah Alam

Alamat: 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C,
40100 Shah Alam
Pakej: RM118 (dewasa), RM59 (kanak-kanak)
Menu istimewa: Masakan tradisi Melayu
Konsep: Cita Rasa Negeri Selat
Tarikh: 6 Jun hingga 5 Julai 2016
Masa: 6.30 petang hingga 10 malam
Telefon: 03-5512 2200 sambungan 2304
E- mail: shah@concorde.net